

Mengkaji Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran atas Talian Pelajar di UTHM

Siti Nor Hasimah Barahim¹ & Alina Shamsuddin^{1,*}

¹Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2023.04.01.035>

Received 31 March 2023; Accepted 30 April 2023; Available online 01 June 2023

Abstract: Online learning for students at UTHM is very important in the lives of students who still practice the online learning system. The purpose of this study is to identify the level of online learning, identify student learning performance and identify the relationship between student learning level and student learning performance. The problem statement is that student performance during online learning is affected and problems in using online learning and teaching platforms. This study uses quantitative methods to collect data through a "google form" that will be distributed to respondents as a questionnaire. A population of 13,000 people and a sample of 375 people who were collected through a questionnaire and the respondents consisted of UTHM students. Respondents' answers were calculated using SPSS version 26 to obtain the value of the pilot study, actual study, descriptive analysis, normality test and correlation test. The findings of the study show that the factors that affect online learning such as the quality of the system and information, the lecturer's personality, student interest and computer literacy are very important in making online learning successful which can focus on the students in the lesson and also the lecturer. In addition, the level of student learning performance such as the level of mental health, social influence and the role of lecturers have an impact on student learning performance, where if these three things can be well controlled, then it is easy for students to receive knowledge and improve their learning performance.

Keywords: Online learning, level of online learning, student learning performance, teaching platforms, UTHM's student

Abstrak: Pembelajaran atas talian pelajar di UTHM adalah sangat penting dalam kehidupan pelajar yang masih mengamalkan sistem pembelajaran atas talian. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti tahap pembelajaran atas talian, mengenalpasti prestasi pembelajaran pelajar dan mengenalpasti hubungan antara tahap pembelajaran pelajar dengan prestasi pembelajaran pelajar. Pernyataan masalah adalah prestasi pelajar semasa pembelajaran secara online terjejas dan masalah dalam menggunakan platform pembelajaran dan pengajaran secara online. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengutip data melalui "google form" yang akan diedarkan kepada responden sebagai borang soal selidik. Sebanyak populasi

sebanyak 13,000 orang dan sampel sebanyak 375 orang yang dikumpul melalui soal selidik dan responden terdiri daripada pelajar UTHM induk. Jawapan responden dikira menggunakan SPSS versi 26 untuk mendapatkan nilai kajian rintis, kajian sebenar, analisis deskriptif, ujian normaliti dan ujian kolerasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran atas talian seperti kualiti sistem dan maklumat, personaliti pensyarah, minat pelajar dan literasi komputer adalah sangat penting dalam menjayakan pembelajaran atas talian yang dapat memberi fokus kepada pelajar dalam pelajaran dan juga pensyarah. Selain itu, tahap prestasi pembelajaran pelajar seperti tahap kesihatan mental, pengaruh sosial dan peranan pensyarah memberikan impak terhadap prestasi pembelajaran pelajar dimana ketiga-tiga perkara ini jika dapat dikawal dengan baik, maka pelajar juga mudah untuk menerima ilmu dan meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

Kata kunci: Pembelajaran Atas Talian, Tahap Pembelajaran Atas Talian, Prestasi Pembelajaran Pelajar, Platform Pembelajaran dan Pengajaran, Pelajar UTHM

1. Latar Belakang

Pada era globalisasi ini, pendidikan adalah medium yang sangat penting kepada semua lapisan masyarakat. Namun, pada 25 Januari 2020, berlaku pandemik di seluruh dunia, disebabkan virus COVID-19. Hal ini bukan sahaja menjejaskan sektor ekonomi, malah sektor pendidikan turut terjejas dimana sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi terpaksa ditutup sepanjang waktu perintah kawalan pergerakan (PKP) untuk mengelakkan virus tersebut terus merebak (Piang *et al.*, 2022). Sektor Pendidikan menggunakan semua penggunaan teknologi untuk menjalankan pembelajaran atas talian. Oleh itu, Pelajar tidak perlu keluar rumah dan dapat mempraktikkan sosial penjarakan yang diarahkan oleh kerajaan (Yahaya *et al.*, 2021).

Terdapat tiga pernyataan masalah. Salah satunya seperti yang dinyatakan dalam artikel (Sinar Harian, 2021) oleh Roslinda Hashim, prestasi pelajar semasa pembelajaran secara online terjejas. Hal ini disebabkan oleh sesetengah pelajar yang lebih tertarik dengan aplikasi yang lebih menyeronokkan menyebabkan mereka hilang tumpuan dalam pembelajaran ketika mengikuti kelas dalam talian. Menurut Yahaya (2021) suasana tempat tinggal pelajar yang tidak kondusif juga menjadi faktor kepada penurunan prestasi pelajaran pelajar.

Di samping itu, pelajar juga mempunyai masalah dalam menggunakan platform pembelajaran dan pengajaran secara online. Menurut Mahalingam (2021), pelajar mempunyai masalah dengan peranti digital pintar dalam menghadiri kelas secara online. Hal ini kerana masalah seperti kemampuan ibu bapa untuk menyediakan gajet seperti telefon bimbit, komputer riba dan tablet dan juga capaian internet yang lemah dan tidak stabil. Menurut Mohd Isa (2020), masa yang diperlukan untuk mencipta bahan kursus dalam talian dan mengajar program pembelajaran secara tradisional. Pensyarah tidak menyedari bahawa e-pembelajaran pada asasnya berbeza daripada metodologi tradisional dan memerlukan masa dan komitmen latihan yang ketara .

Seterusnya, isu dan cabaran pembelajaran atas talian di IPT. Teknologi, perangi pelajar, motivasi diri pelajar dalam mengikuti pembelajaran secara atas talian dan masa yang sangat fleksibel menyebabkan pelajar gagal untuk mengikuti panduan dan ketetapan subjek-subjek yang diberikan oleh pengajar. Selain itu, komunikasi dua hala antara pelajar dan pengajar yang tidak ada motivasi dan dorongan daripada rakan-rakan akibat risiko isolasi (Ishak *et al.*, 2020).

Objektif kajian ialah mengenalpasti pembelajaran atas talian di UTHM dan mengenalpasti prestasi pembelajaran pelajar. Selain itu, mengenalpasti hubungan antara pembelajaran atas talian di UTHM dan prestasi pembelajaran pelajar,

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap pembelajaran atas talian di UTHM dan mengenalpasti prestasi pembelajaran pelajar. Kajian dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap pembelajaran atas talian di UTHM dan prestasi pembelajaran pelajar. Responden terdiri daripada pelajar UTHM induk, iaitu terbahagi kepada beberapa fakulti FPTP, FKKEE, FKMP, FKAAB, FSKTM dan FPTV . Responden yang dipilih akan menjawab borang soal selidik menggunakan ‘Google Form’ yang akan diberikan untuk mendapatkan data yang sah.

Kajian sangat penting dalam membantu pelajar-pelajar dalam mengenalpasti masalah yang dihadapi semasa pembelajaran atas talian. Kajian ini juga sedikit sebanyak membantu dan memberikan pendapat pelajar dalam penambahbaikan sistem online.

2. Kajian Literatur

2.1 Pembelajaran atas Talian

Peluang pembelajaran dalam talian hampir tidak terhad. Pendidikan berasaskan Internet mengatasi batasan masa dan ruang pembelajaran tradisional, membolehkan pelajar dari seluruh dunia mengakses peluang pembelajaran pada bila-bila masa sahaja (Kira *et al.*, 2006).


Menurut Maheshwari (2021), kestabilan dan kelajuan internet sebagai faktor yang mempengaruhi pengalaman pembelajaran dalam talian pelajar. Sokongan tenaga pengajar dan kesederhanaan dalam penggunaan platform pembelajaran, serta persekitaran pembelajaran yang selesa dan tenang.

2.2 Isu dan Cabaran Pembelajaran atas Talian

Menurut Gillett-Swan (2017), cabaran pelajar luar penglibatan paling ketara dalam tugas pembelajaran kolaboratif seperti kerja kumpulan, pembentangan kumpulan dan penilaian kumpulan. Beberapa masalah yang dihadapi adalah masalah peribadi, seperti gugup berkaitan dengan penggunaan teknologi atau berada di luar zon selesa. ketidakadilan dalam penggredan, terutamanya dalam tugas "kumpulan", dan ketidakupayaan atau masalah berinteraksi dengan rakan sebaya, terutamanya semasa pembentangan.

Menurut Mahyoob (2020), beberapa pelajar mengalami masalah dengan rangkaian, serta kekurangan alat pembelajaran berkualiti tinggi. Sokongan teknikal diperlukan semasa pembelajaran atas talian.

2.3 Kerangka Konsep



Rajah 1: Kerangka konsep

Kerangka konsep menggambarkan hubungan antara pembolehubah bersandar dan bebas. Pembolehubah bebas, iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran atas talian, ditunjukkan dalam rajah di atas. Ciri-ciri yang menyumbang kepada pembolehubah bersandar iaitu tahap prestasi pembelajaran pelajar.

3. Metodologi Kajian

Kaedah kajian ini akan dijalankan secara kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik menggunakan 'Google Form' kepada responden yang telah dipilih. Perisian SPSS akan digunakan untuk pengiraan data yang dikumpul hasil soal selidik responden.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Menurut Akhtar (2016), reka bentuk penyelidikan boleh dianggap sebagai struktur penyelidikan; ia adalah "Glue" yang memegang semua aspek projek penyelidikan bersama-sama; dalam erti kata lain, ia adalah rangka tindakan untuk usaha penyelidikan yang dimaksudkan. Menurut Jilcha (2019), tujuan reka bentuk kajian adalah untuk menawarkan rangka kerja yang sesuai untuk sesuatu kajian. Pilihan pendekatan penyelidikan adalah keputusan penting dalam proses reka bentuk penyelidikan kerana ia menentukan cara maklumat yang relevan untuk kajian akan dikumpulkan. Secara umum, terdapat tiga pendekatan untuk menghubungkan penyelidikan: kaedah kuantitatif, kualitatif dan campuran dan gabungan pendekatan. Pengertian reka bentuk penyelidikan dijelaskan dalam dokumen ini, yang merangkumi rujukan kepada kerja-kerja yang berkaitan. Berdasarkan ciri-ciri kritikal tersebut, supaya seseorang penyelidik mempunyai imej yang jelas tentang apa yang dicari (Asenahabi, 2019).

3.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data ialah proses mengumpul dan menganalisis data berdasarkan pembolehubah yang disasarkan pada sistem sedia ada, membolehkannya menjawab soalan yang berkaitan dan membuat keputusan. Data ialah pengiraan ciri, peristiwa, fakta atau ukuran peristiwa yang boleh diukur. Pengumpulan data dilakukan di UTHM induk seramai 375 responden.

Jadual 1: Demografi

Demografi	Butiran	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	166	44.3
	Perempuan	209	55.7
Umur	18-20 tahun	77	20.5
	21-23 tahun	141	37.6
	24-26 tahun	91	24.3
	27-29 tahun	66	17.6
Bangsa	Melayu	144	38.4
	Cina	118	31.5
	India	100	26.7
	Dusun	4	1.1
	Bumiputera Sabah	3	0.8
	Iban	3	0.8
	Kadazan	1	0.3
	Sabahan	1	0.3
Fakulti	Bugis	1	0.3
	FPTP	77	20.5
	FKEE	59	15.7
	FKMP	56	14.9
	FKAAB	64	17.1
	FSKTM	70	18.7
	FPTV	49	13.1
Tahun Pengajian	1	75	20
	2	110	29.3
	3	97	25.9
	4	93	24.8
Kekerapan Menggunakan E-Learning (minggu)	1-2 kali	143	38.1
	3-4 kali	129	34.4

Nilai GPA Semester Lalu	5-6 kali	103	27.5
	2.00-2.50	3	0.8
	2.50-3.00	8	2.1
	3.00-3.50	156	41.6
	3.50-4.00	208	55.5

3.3 Data Analisis

Terdapat 4 jenis analisis yang digunakan dalam penyelidikan ini iaitu analisis deskriptif, analisis kebolehpercayaan, ujian normaliti dan analisis korelasi. Tahap kesesuaian analisis deskriptif adalah mengikut tafsiran min (Rosmawati, 2020) dengan purata nilai min antara 1.00 hingga 2.33 mewakili lemah di mana antara 2.34 hingga 3.67 adalah sederhana dan nilai antara 3.68 hingga 5.00 mewakili tinggi. Salah satu ukuran kebolehpercayaan yang paling banyak digunakan dalam organisasi dan sains sosial ialah alpha Cronbach yang menunjukkan kebolehpercayaan yang sempurna, nilai kurang daripada 0.06 membuktikan bahawa item tersebut tidak boleh dipercayai dan julat 0.80 hingga 0.90 adalah julat yang biasanya digunakan dalam kebanyakan penyelidikan. (Bonett & Wright, 2015). Terdapat ujian kenormalan ialah Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Ujian Shapiro-Wilk. Ujian Shapiro-Wilk digunakan jika saiz sampel kajian kurang daripada 50 dan manakala dalam kajian ini saiz sampel melebihi 50, Kolmogorov-Smirnov digunakan. Analisis korelasi yang digunakan dalam kajian ini merangkumi korelasi Pearson dan Spearman. Korelasi Pearson digunakan jika data bertaburan normal manakala korelasi Spearman digunakan jika data tidak bertaburan normal.

4. Dapatan dan Analisis Data

Alpha Cronbach untuk kualiti system dan maklumat, personaliti pensyarah, minat pelajar dan literasi komputer adalah 0.753, 0.692, 0.750 dan 0.748. Pembolehubah bersandar iaitu dalam tahap kesihatan mental mempunyai nilai tertinggi pada 0.819 berbanding pengaruh social dan peranan pensyarah yang mempunyai alpha Cronbach 0.744 dan 0.768 . Keputusan ujian menunjukkan bahawa kebolehpercayaan soal selidik adalah sangat baik. Menurut (Ali Memon *et al.*, 2020), nilai Alpha Cronbach mestilah lebih daripada 0.50 untuk instrumen kajian yang sedang digunakan dianggap boleh dipercayai dan boleh diterima.

Jadual 2: Analisis deskriptif

Kenyataan	Min	Tafsiran
Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran Atas Talian		
Kualiti sistem dan maklumat	4.5061	Tinggi
Personaliti Pensyarah	4.5371	Tinggi
Minat Pelajar	4.4800	Tinggi
Literasi Komputer	4.5285	Tinggi
Jumlah Purata	4.5929	Tinggi
Tahap Prestasi Pembelajaran Pelajar		
Tahap Kesihatan Mental	4.5392	Tinggi
Pengaruh Sosial	4.4688	Tinggi
Peranan Pensyarah	4.5115	Tinggi
Jumlah Purata	4.5065	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran atas talian dan tahap prestasi pembelajaran pelajar. Personaliti pensyarah mempunyai min yang tertinggi untuk faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran atas talian, iaitu 4.5371 manakala min kedua tertinggi jatuh kepada literasi komputer iaitu 4.5285. Seterusnya, kualiti sistem dan maklumat berada pada tangga ketiga dengan jumlah min 4.5061 dan minat pelajar mempunyai min yang rendah sebanyak 4.4800. Kesemua min bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran atas talian berada pada tahap yang tinggi. Jumlah purata min bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran atas talian di UTHM adalah 4.5929 berada pada tahap yang tinggi.

Bagi tahap prestasi pembelajaran pelajar, tahap kesihatan mental mempunyai skor min paling tinggi, iaitu 4.5392 manakala peranan pensyarah mempunyai skor min kedua tertinggi sebanyak 4.5115 dan terakhir sebanyak 4.4688 iaitu pengaruh sosial. Kesemua min bagi tahap prestasi pembelajaran pelajar berada pada tahap yang tinggi. Jumlah purata min bagi tahap prestasi pembelajaran pelajar sebanyak 4.5065 berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 3: Analisis ujian normaliti

	Jumlah bilangan item	Cronbach's Alpha	Tafsiran
Pembolehubah Bebas	4		
Kualiti Sistem dan Maklumat	5	0.753	Bagus
Personaliti Pensyarah	5	0.692	Boleh Diterima
Minat Pelajar	5	0.750	Bagus
Literasi Komputer	5	0.748	Bagus
Pembolehubah Bersandar	3		
Tahap Kesihatan Mental	5	0.819	Sangat Bagus
Pengaruh Sosial	5	0.744	Bagus
Peranan Pensyarah	5	0.768	Bagus

Jadual 3 menunjukkan keputusan ujian normaliti pembelajaran atas talian dan prestasi pembelajaran pelajar berada pada tahap tidak normal. Hipotesis yang pertama adalah tidak ada hubungan yang signifikan antara pembelajaran atas talian dan prestasi pembelajaran pelajar. Manakala hipotesis yang kedua menunjukkan ada hubungan yang signifikan antara pembelajaran atas talian dan prestasi pembelajaran pelajar. Data yang diperoleh daripada dua pembolehubah adalah tidak normal. Oleh itu, kaedah korelasi Spearman digunakan untuk mengukur hubungan antara dua pembolehubah antara pembelajaran atas talian dan dan prestasi pembelajaran pelajar.

Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan pada jadual 3, data yang diperoleh daripada dua pembolehubah adalah tidak normal. Oleh itu, kaedah korelasi Spearman digunakan untuk mengukur hubungan antara dua pembolehubah antara pembelajaran atas talian dan prestasi pembelajaran pelajar.

Berdasarkan jadual 3, nilai pekali korelasi, r bagi pembelajaran atas talian dan prestasi pembelajaran pelajar ialah 0.125. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pembelajaran atas talian dan prestasi pembelajaran pelajar. Nilai ini menunjukkan hubungan yang boleh diabaikan kerana nilai pekali korelasi ialah 0.125 di mana ia berada dalam julat positif yang boleh diabaikan.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Melalui dapatan kajian bagi pembelajaran atas talian, untuk kualiti sistem dan maklumat daripada hasil soal selidik menunjukkan bahawa pentingnya sesuatu maklumat yang lengkap di dalam internet memandangkan pelajar ketika itu tidak dapat keluar daripada rumah masing-masing. Maklumat yang cukup serta sistem internet yang baik sangat memberi impak yang positif terhadap pembelajaran secara online. Selain itu, personaliti pensyarah. Hasil soal selidik menunjukkan bahawa kredibiliti pensyarah itu sendiri mampu menjayakan pembelajaran online. Sifat pensyarah yang sentiasa berusaha membantu pelajar serta mempelajari platform-platform yang digunakan semasa pembelajaran online memberi kesan positif kepada pelajar seterusnya mengeratkan lagi hubungan antara pensyarah dan pelajar. Seterusnya, minat pelajar. Hasil dapatan soal selidik menunjukkan bahawa penghantaran kerja secara berkumpulan dan individu menjadi lebih senang dihantar secara softcopy kepada pensyarah dan menjimatkan masa. Pelajar juga berminat dalam mempelajari pelbagai bentuk grafik yang digunakan semasa pembentangan secara online. Selepas itu, literasi komputer. Literasi komputer memberitahu kepada pelajar sejauh mana pengetahuan pelajar terhadap komputer. Dari segi komunikasi dan kemahiran-kemahiran komputer yang dimiliki. Pelajar juga dapat mengasah minat dalam bidang ICT.

Untuk dapatan kajian prestasi pembelajaran pelajar, terdapat tiga perkara. Pertama, tahap kesihatan mental. Tahap kesihatan mental juga sangat mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar. Apabila kesihatan mental pelajar berada pada tahap yang sangat baik, pelajar mudah untuk menerima ilmu yang disampaikan oleh pensyarah dan juga tahap emosi pelajar juga dapat dikawal. Apabila kesihatan mental berada pada tahap yang baik, automatik kesihatan fizikal juga terjaga. Selain itu, pengaruh social. Ibu bapa serta kawan-kawan memberi pengaruh sosial kepada pelajar. Sokongan moral daripada kedua-dua belah pihak mampu memberi impak yang positif kepada pelajar dalam berhadapan dengan kelas online. Penyediaan keperluan kepada pelajar daripada ibu bapa sangat membantu pelajar dalam kelas online. Seterusnya, peranan pensyarah. Pensyarah hendaklah sentiasa membantu pelajar dalam kelas online. Kesediaan membantu pelajar semasa kelas online mampu mencapai objektif pensyarah untuk pelajar mencapai objektif pembelajaran.

Bahagian cadangan, terdapat cadangan untuk pelajar, pensyarah dan penyelidik masa depan. Untuk pelajar, hendaklah sentiasa memantapkan diri dalam pengetahuan ICT kerana adalah sangat penting pada abad ke-21 ini. Pelajar hendaklah sentiasa rajin untuk bertanya kepada tenaga pengajar masing-masing tentang sesuatu subjek yang kurang difahami. Pelajar juga hendaklah melakukan meditasi dan menyesuaikan diri dengan norma baharu untuk menangani kesihatan mental.

Untuk pensyarah, hendaklah juga memantapkan diri dalam ilmu ICT untuk membantu pelajar dalam bidang tersebut. Pensyarah hendaklah sentiasa bekerjasama dengan pelajar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar mahupun akademik atau mental mereka.

Akhir sekali kepada penyelidik masa depan, pengurusan masa yang baik untuk menyelesaikan penyelidikan dan memperluaskan masa untuk prosedur pengumpulan data. Mengembangkan topik dengan objektif yang sama untuk dibangunkan soalan yang lebih relevan dalam soal selidik.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Kumpulan Fokus Pengurusan Teknologi dan Inovasi, serta Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang diberi.

Rujukan

- Abdul Aziz Ishak, & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat. (2020). Pembelajaran atas Talian: Tinjauan terhadap Kesediaan dan Motivasi dalam kalangan pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantai Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 68–82. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Abdul Mumen, K. N., & Awang, M. M. (2022). Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Komitmen Pelajar di Negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001349. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1349>
- Ari, Saddu Al- Z, A. (2019). Bab 2 c. 21, 22–52.
- Asenahabi, B. M. (2019). Basics of Research Design: A Guide to selecting appropriate research design. *International Journal of Contemporary Applied Researches*, 6(5), 76–89. www.ijcar.net
- Hashim, R. (n.d.). No Title Belajar “online” terlalu lama beri kesan prestasi pelajar Artikel Penuh :<https://www.sinarharian.com.my/article/150099/BERITA/Nasional/Belajar-online-terlalu-lama-beri-kesan-prestasi-pelajar> © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf. Julai 15, 2021
- Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Wan Mohamad, W. M. R. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77–88.
- Jenna Gillett-Swan. (2017). The Challenges of Online Learning: Supporting and Engaging the Isolated Learner. *Journal of Learning Design*, 10(1), 20–30.
- Kamsin, H. R. (2013). Program pembelajaran e-learning mkm. 4–10.
- Kasim, T. S. A. T., Noor, N. E. M., & Yusoff, Y. M. (2022). Cabaran Guru Dalam Pembinaan Sahsiah Murid Melalui E-Pembelajaran Pendidikan Islam: Teacher Challenges In Building Student Personality Through E-Learning Of Islamic Education. *Sains Insani*, 63–71.
- Khalid, F., Yusoff, N., & Daud, M. Y. (2016). Tahap Kesediaan Pelajar Prasiswazah UKM dalam Penggunaan M-Pembelajaran. *International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016)*, 2016(November), 478–488.
- Krejcie, R. v, & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational And Psychological Measurement*, 30, 607–610. <https://blogs.worldbank.org/eastasiapacific/reopening-malaysias-economy-newnorma>
- Mahalingam, N. A. P., & Jamaludin, K. A. (2021). Impak Dan Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Atas Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Impact And Challenges Of Implementation Current Online Teaching And Learning Movement Control Order). 3(4), 104–115.
- Maheshwari, G. (2021). Factors affecting students’ intentions to undertake online learning: an empirical study in Vietnam. *Education and Information Technologies*, 26(6), 6629–6649. <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10465-8>
- Mahyoob, M. (2020). Challenges of e-Learning during the COVID-19 Pandemic Experienced by EFL Learners. *Arab World English Journal*, 11(4), 351–362. <https://doi.org/10.24093/awej/voll1no4.23>
- Mally, M. G., & Samsudin, N. H. (2022). Kesihatan Mental dan Prestasi Akademik Pelajar International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP) Sewaktu Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10), e001812. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1812>
- Mansor, A. N., Zabarani, N. H., Jamaludin, K. A., Nor, M. Y. M., Alias, B. S., & Mansor, A. Z. (2021). Home-based learning (Hbl) teacher readiness scale: Instrument development and demographic analysis. *Sustainability (Switzerland)*, 13(4), 1–15. <https://doi.org/10.3390/su13042228>
- Mat Rani, M. A. (2022). Prestasi Kelas Pembelajaran Muallaf Dalam Talian: Pengaruh Efikasi Diri Dan Norma Subjektif. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2), 89–106. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no2.442>
- Mohamad Said, M. N. H., & Krishnan, J. (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan e-pembelajaran di kalangan pelajar tahun akhir jabatan multimedia (SPK, SPT, dan SPP) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1–9. <http://eprints.utm.my/11779/1/Faktor.pdf>
- Mohd Basar, Z., Norhaini Mansor, A., Azhar Jamaludin, K., & Salwana Alias, B. (2021). The Effectiveness and Challenges of Online Learning for Secondary School Students-A Case Study. *Asian Journal of University Education*, 17(3), 119–129.
- Mohd Isa, P., & Hasyim, R. (2020). Issues and challenges of e-learning in higher education: A Malaysian perspective. Retrieved 10 June 2022. https://www.academia.edu/21432725/Issues_and_challenges_of_e_learning_in_higher_education_A_Malaysian_perspective
- Mohd Idris, N. A. I., & Bee Piang, T. (2022). Aplikasi Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Talian: Cabaran Guru Pendidikan Moral [21st Century Online Learning Applications: the Challenge of Moral Education Teachers]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 6(1), 16–35. <https://doi.org/10.33306/mjssh/174>
- Mohd Nawati, M. Z., Zulkipli, A. M., & Abdul Razzaq, A. R. (2022). Kesiediaan Menggunakan e-Pembelajaran dalam

- Melaksanakan Kursus Pendek di Kolej Komuniti Rompin Akibat Pandemi Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 31–39. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1255>
- Muhamed Ganasan, H., & Azman, N. (2021). Kesehatan Mental dan Motivasi Pelajar Semasa Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Pandemi Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 25–40. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1100>
- Muzafar Mat Yusof, & Hasmadi Hassan. (2019). Menjalani latihan industri dalam kalangan pelajar politeknik di malaysia kaedah e-pembelajaran semasa. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(6), 49–59.
- Narayan, N. (2017). Research design Research design. *Research in Social Science: Interdisciplinary Perspectives*, September, 68–84. [file:///E:/Documents/dosen/buku Metodologi/\[John W. Creswell\] Research Design Qualitative, Q\(Bookos.org\).pdf](file:///E:/Documents/dosen/buku%20Metodologi/[John%20W.%20Creswell]%20Research%20Design%20Qualitative,%20Q(Bookos.org).pdf)
- Norazman bin Alias, Anuar bin Hasin, & Zainora binti Daud. (2020). Covid-19: isu dan solusi pelaksanaan pdp dalam talian bagi kursus hifz al-quran iv di usim. *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020)*, 275–290. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6809>
- NORAZNIDA BINTI HUSIN, & ATAN, N. S. B. (2020). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penerimaan E-Pembelajaran dalam Subjek Pengiraan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa. *Proceeding of the 7th International Conference on Management and Muamalah 2020, 2020(ICoMM)*, 260–270.
- Nurfatimah binti AbdRashid Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, S., Solehah binti Abdul Malek Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, N., Elisa Husna Binti Mohd Roslan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, N., & Syed Najihuddin bin Syed Hassan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, M. (2022). Isu Dan Cabaran Pembelajaran Secara Maya Semasa Pandemi Covid-19. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke*, 7, 2811–4051.
- Pang Li, N., & Maat, S. M. (2022). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Matematik dalam Talian: Sorotan Literatur Bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10), e001792. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1792>
- Politeknik, T. D. I. (2022). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Atas Talian (Pdpt) Dalam Kalangan Pelajar Bagi Kursus Deg30013 Fundamental Of Renewable Energy : 2(1), 104–116.
- Rahman, A. A. (2020). Isu penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dan institusi pendidikan sewaktu Covid-19. *Universiti Sains Islam Malaysia*, 373–386. [https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/6819/1/ISU PENGGUNAAN ICT DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN %28Pdp%29 BAGI PELAJAR ORANG KURANG UPAYA %28OKU%29 DAN INSTITUSI PENDIDIKAN SEWAKTU COVID-19 .pdf](https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/6819/1/ISU%20PENGGUNAAN%20ICT%20DALAM%20PROSES%20PENGAJARAN%20DAN%20PEMBELAJARAN%20PDP%20BAGI%20PELAJAR%20ORANG%20KURANG%20UPAYA%20OKU%20DAN%20INSTITUSI%20PENDIDIKAN%20SEWAKTU%20COVID-19.pdf)
- Riyadi, F. A. (2022). Sang pencerah. *Jurnal Ilmiah*, 8(1), 71–84.
- Samir Abou El-Seoud, M., Taj-Eddin, I. A. T. F., Seddiek, N., El-Khouly, M. M., & Nosseir, A. (2014). E-learning and students' motivation: A research study on the effect of e-learning on higher education. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 9(4), 20–26. <https://doi.org/10.3991/ijet.v9i4.3465>
- Shukla, S. (2020). Concept of Population and Sample. How to Write a Research Paper, June, 1–6. https://www.researchgate.net/publication/346426707_CONCEPT_OF_POPULATION_AND_SAMPLE
- Yahaya, M., & Adnan, W. H. (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 14(1), 11–20.